

Sedia penuhi minat pencinta kucing

» Pasangan suami isteri biak, jual pelbagai baka kacukan dan eksotik dari luar negara

Oleh Norizzah Baharudin
bhrita@bh.com.my

“**Saya tidak pandang pada keuntungan seekor kucing yang dijual, sebaliknya saya lebih gembira melihat pelanggan datang teruja dan membelinya dengan rasa puas hati**”

Rozita Harun,
Pemilik Fizz Ziee
Pets Station

Berkongsi minat sama, sepasang suami isteri yang dibantu dua anak mereka memulakan perniagaan membiak pelbagai baka kucing kacukan serta eksotik dari pelbagai negara bagi memenuhi minat sebagai pencinta haiwan berkenaan.

Selain dapat memberi kepuasan tersendiri, Rozita Harun, 45, dan suami, Shahrizan Ithnin, 37, tidak menyangka perniagaan itu mampu menjana keuntungan.

Rozita berkata, perniagaan itu dimulakan secara kecil-kecilan di rumah mereka di Alor Gajah, Melaka, kira-kira enam tahun lalu sebelum memberanikan diri membuka kedai Fizz Ziee Pets Station di Taman Jelatang, Melaka pada Januari 2013.

Katanya, pada peringkat awal beliau cuma ada empat ekor kucing jenis *Domestic Long Hair* yang dibeli pada harga RM3,200 sebelum menambah spesies kucing lain seperti *Persian* dan *British Short Hair*.

“Selepas membuka kedai Fizz Ziee Pets Station dengan modal sebanyak RM80,000, kini lebih 70 ekor kucing pelbagai baka sedia dijual kepada pencinta kucing

dapat harga berpatutan.

“Fizz Ziee Pets Station turut menyediakan perkhidmatan penjagaan dan menempatkan kucing bagi tempoh masa tertentu,” katanya yang melakukan urusan jual beli kucing bersijil dari luar negara melalui ejen berdaftar.

Berurusan dengan ejen

Ditanya risiko urusan jual beli kucing daripada ejen luar negara, Rozita berkata, itulah antara risiko yang perlu dihadapi dalam dunia perniagaan itu dan bersyukur kerana segala urusan sebelum ini berjalan lancar.

“Saya ada membeli kucing dari Russia, Poland dan Australia yang mana ia dihantar menggunakan kargo melalui ejen berdaftar bagi menghasilkan baka kucing berkualiti,” katanya dibantu dua anak perempuannya, Norsyafiqah, 24, dan Siti Nurhidayah, 21.

Selain sibuk menjual baka kucing kacukan, ada juga spesies baka induk seperti *Persian*, *Exotic Long* dan *Short Hair*, *British Short Hair*, *American Short Hair*, *Bengal*, *Scottish Fold* dan *Maine Coon* yang dikhususkan untuk tujuan pertandingan.

Teruja dengan minat pelanggan

Rozita yang juga mempunyai baka kucing *flat face* dan *high nose*, Rozita mengakui tumpang gembira dan berpuas hati apabila sesetengah kucing kacukan itu berjaya memenangi pertandingan kucing anjuran pelbagai pihak.

“Saya tidak pandang pada keuntungan seekor kucing yang dijual sebaliknya saya lebih gembira melihat pelanggan datang teruja dan membelinya dengan rasa puas hati,” katanya.



Rozita dan Shahrizan dibantu dua anak menguruskan Fizz Ziee Pets Station.

